

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 24 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6550**

**SOALAN:**

**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa bilangan orang asing ditahan atau didakwa di Malaysia terhadap sekatan perdagangan Amerika Syarikat terhadap Iran. Apakah tindakan Kerajaan untuk permintaan menyerahkan semua suspek yang dikehendaki Amerika Syarikat.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Setakat ini, Malaysia telah menerima sebanyak tiga (3) permintaan dari Amerika Syarikat bagi pemulangan penjenayah buruan yang melarikan diri ke Malaysia bagi kesalahan berkaitan sekatan perdagangan Amerika Syarikat terhadap Iran. Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes telah selesai di mana subjek telah dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan manakala dua (2) kes lagi masih dalam prosiding di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.**

**Tindakan Kerajaan Malaysia terhadap permintaan ekstradisi ini adalah berdasarkan kepada Akta Ekstradisi 1992 serta triti ekstradisi yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 3 Ogos 1995.**

**Dalam hal ini, subjek bagi permintaan ekstradisi yang diterima tidak semestinya akan diserahkan kepada negara yang meminta, sebaliknya setiap permintaan mestilah memenuhi kehendak Akta Ekstradisi 1992 dan triti ekstradisi berkenaan.**